

PERSEPSI PELAJAR, PENSYARAH DAN PENTADBIR TENTANG KESESUAIAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM KOKURIKULUM DI IPGM

Toh Wah Seng

Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Profesionalisme Keguruan

ABSTRAK

Kajian ini menilai program kokurikulum IPGM melalui persepsi pelajar, pensyarah dan pentadbir tentang kesesuaian dan keberkesanan program dari segi input, proses dan outcome program. Seramai 563 orang pelajar, 98 orang pensyarah dan 37 orang pentadbir dari enam buah kampus IPGM yang mewakili enam zon telah menjadi peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mempersepsikan aspek-aspek professional seperti kualiti pensyarah, kandungan program dan pelaksanaan P&P adalah lebih sesuai dan berkesan berbanding dengan aspek-aspek kemudahan, pentadbiran dan pengurusan program. Outcome program dipersepsikan paling berkesan berbanding dengan input dan proses program. Program kokurikulum dipersepsikan sesuai dan berkesan secara keseluruhannya. Aspek-aspek program untuk penambahbaikan adalah dicadangkan dalam kertas kerja ini.

Kata kunci: *Penilaian program, kokurikulum, pendidikan guru,*

ABSTRACT

This study evaluates the suitability and effectiveness of the co-curriculum programme in the Malaysian Teacher Education Institute from the perception of students, lecturers and administrators. A total of 563 students, 98 lecturers and 37 administrators selected from six different zones participated in the study. The findings indicate that participants perceived the professional aspects of the programme such as the quality of lecturers, programme content and the teaching and learning process to be both suitable and effective as compared to the other aspects of the programme such as facilities, administration and management of the programme. Participants also perceived highly about the outcome of the programme as compared to the input and the process of the programme. Overall the programme was perceived as suitable and effective. Aspects of the programme that warrant improvement are suggested in this paper.

Keywords: *Programme evaluation, co-curriculum, teacher education,*

PENGENALAN

Penilaian program adalah wajib dijalankan untuk menentukan baik buruknya sesuatu program dan ini menjadi asas landasan bagi tindakan pembetulan dan pengubahsuaian terhadap program dan seterusnya menambah baik organisasi yang berkenaan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 1994, penilaian program wajib dijalankan di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuaikan (Perbendaharaan Malaysia, 2002). Ini juga kerana pada masa kini akauntabiliti kewangan dan pengurusan adalah amat ditekankan dan usaha menilai program sangat diperlukan agar tindakan pembetulan dan penyesuaian oleh organisasi itu sendiri dapat diambil, sebagaimana yang ditegaskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Penemuan daripada penilaian program memberi maklumat penting dan bukti mengenai aspek-aspek kritikal sesuatu program. Ini dapat memberi maklum balas kepada pengurusan untuk membolehkannya membuat keputusan berkaitan perancangan dan pelaksanaan program. Penilaian program juga ditekankan dalam Kod Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (2005). Ia merupakan satu mekanisme di bawah aspek standard ketujuh iaitu Pemantauan dan Semakan Semula Program, yang bertujuan menambah baik program berdasarkan data sahih dan boleh dipercayai.

Mengikuti sistem belanjawan diubahsuai atau “*modified budgeting system*” yang diamalkan oleh agensi-agensi kerajaan penilaian program harus dapat menilai kecekapan dan keberkesanan sesuatu program supaya dapat memberi maklum balas kepada agensi berkenaan untuk mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Mengikuti sistem ini, penilaian program didefinisikan sebagai analisis yang sistematik tentang kesesuaian, keberkesanan, ekonomi dan kecekapan sesuatu aktiviti untuk mendapat satu gambaran yang jelas tentang prestasi sesuatu aktiviti (Perbendaharaan Malaysia, 2002).

Kesesuaian merujuk kepada sejauh manakah objektif sesuatu program masih sesuai memenuhi kehendak klien program. Keberkesanan merujuk kepada persoalan tentang sejauh manakah program berkesan mencapai objektifnya. Ekonomi adalah berkaitan dengan sejauh manakah kos-kos input dapat dikurangkan tanpa pembaziran. Kecekapan adalah berkait langsung dengan cara resos digunakan secara optimum untuk menghasilkan produk. Maka persoalan tentang ekonomi dan kecekapan adalah berkait rapat dengan kos pembiayaan program berbanding dengan produk dan outcome yang dihasilkan, iaitu sejauh manakah perbelanjaan yang dikenakan munasabah dan sejauh manakah penjimatan boleh dilakukan.

Penilaian program kokurikulum yang dibicarakan di sini adalah berfokus kepada aspek kesesuaian dan keberkesanan program sahaja dan tidak termasuk aspek ekonomi dan kecekapan kerana kekangan-kekangan tertentu. Tambahan pula program kokurikulum adalah program yang berterusan dan wajib dilaksanakan dalam program pendidikan guru di IPGM. Kajian ini menilai program secara formatif untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program demi untuk menambah baik program. Maka aspek yang penting dinilai ialah aspek kesesuaian dan keberkesanan program, khususnya daripada segi input yang digunakan, proses pelaksanaannya, dan outcome atau hasil program. Maka, kajian ini hanya berfokus kepada penilaian dua aspek tersebut dan berfokus kepada kesesuaian dan keberkesanan input dan pelaksanaan proses program, serta keberkesanan outcome atau hasil program.

Input program termasuk tenaga mengajar (pensyarah atau tutor), kandungan program, peruntukan masa, perkhidmatan sokongan serta infra dan infostruktur program. Kesesuaian input dinilai daripada segi kesesuaian tenaga mengajar, kesesuaian jenis kokurikulum kepada minat, kemampuan dan pengalaman pelajar, peruntukan masa, perkhidmatan sokongan dan infra dan infostruktur program. Keberkesanan input dinilai daripada segi keberkesanan kandungan program dan keberkesanan masa yang diperuntukkan dalam mencapai objektif program.

Proses pelaksanaan program termasuk unsur-unsur dalam proses pelaksanaan dan proses pengajaran dan pembelajaran. Kesesuaian proses pelaksanaan program merujuk kepada proses pentadbiran dan pengurusan seperti pendaftaran, memberi taklimat orientasi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti, dan penilaian. Proses ini dinilai daripada segi kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaannya. Proses juga termasuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Proses P&P dinilai daripada segi kaedah mengajar yang digunakan untuk mengajar bidang kokurikulum, penggunaan bahan dan media, dan kaedah penilaian.

Outcome program merujuk kepada tujuh jenis kemahiran yang dipelajari di IPG, iaitu merancang aktiviti kokurikulum, melaksana aktiviti, mengelola pertandingan, mempegawakan pertandingan, mengurus kemudahan, menilai pelajar dan menerapkan nilai-nilai murni dalam aktiviti kokurikulum. Pelajar IPGM seharusnya menguasai kemahiran-kemahiran ini untuk melaksanakan tugasnya sebagai guru kokurikulum di sekolah.

Kajian penilaian program kokurikulum IPGM telah dijalankan berasaskan pertimbangan, aspek-aspek, dan fokus penilaian seperti tersebut di atas. Kertas kerja ini melaporkan dapatan dan syor-syor yang dicadangkan berdasarkan data dan dapatan yang ditemui.

Program Kokurikulum di IPGM

Program kokurikulum IPGM adalah sebahagian daripada program pendidikan guru untuk mendidik dan melatih guru pelatih supaya membolehkan mereka menjadi guru yang terlatih dan dapat melaksanakan tugas-tugas keguruan di sekolah nanti. Komponen kokurikulum adalah wajib dan bertujuan untuk membolehkan mereka menguasai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sesuai sebagai seorang guru kokurikulum di sekolah.

Objektif program kokurikulum adalah untuk membolehkan pelajar IPGM menjadi guru kokurikulum yang dapat merancang, melaksana, dan membuat penilaian dalam aktiviti kokurikulum (Bahagian Pendidikan Guru, 2004). Ia juga untuk membolehkan guru mengelola dan mempegawakan aktiviti pertandingan dalam kokurikulum, menerapkan nilai-nilai murni, dan mengurus kemudahan dan peralatan kokurikulum di sekolah (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2007). Program kokurikulum IPGM mengandungi lima komponen, iaitu komponen pengurusan kokurikulum, komponen sukan dan permainan, komponen unit beruniform, komponen olahraga dan komponen kelab dan persatuan.

Komponen pengurusan kokurikulum meliputi pengenalan dan pengurusan kokurikulum sekolah rendah, penubuhan unit-unit kokurikulum, sistem fail dan surat menyurat, pengelolaan aktiviti, pengurusan mesyuarat dan kewangan, dan majlis rasmi. Komponen permainan meliputi sejarah permainan peringkat antarabangsa dan Malaysia, pengenalan alatan, gelanggang dan undang-undang permainan, mengetahui latihan dan taktik permainan, pengukuhan kemahiran dalam permainan, pengurusan padang/gelanggang dan pasukan serta pengelolaan pertandingan.

Kandungan komponen unit beruniform termasuk struktur dan organisasi unit beruniform, perlembagaan unit beruniform, pengurusan dan pentadbiran, disiplin dan kerohanian, asas pertolongan cemas, asas kawad kaki, istiadat dan orientasi kurikulum Unit Beruniform sekolah rendah. Ia juga meliputi pengetahuan dan kemahiran asas perkhemahan, dan perancangan dan pelaksanaan amali perkhemahan.

Komponen olahraga pula meliputi pengetahuan umum, sejarah dan undang-undang olahraga, kemahiran asas acara-acara balapan dan padang, pengurusan ukuran balapan dan padang, pengelolaan kejohanan dan pengurusan pasukan. Komponen kelab dan persatuan meliputi pengenalan dan konsep persatuan, pengurusan, sejarah, perkembangan dan kepentingan persatuan, pengelasan persatuan, kemahiran asas, persediaan, pelaksanaan dan penilaian projek.

Pelaksanaan program kokurikulum di IPGM adalah tanggung jawab setiap kampus IPGM masing-masing mengikut sukatan yang seragam bagi semua kampus. Unit kokurikulum di kampus IPG ditugaskan melaksanakan program ini. Unit kokurikulum merancang, melaksana dan mengurus semua program kokurikulum di kampus IPG. Tugas ini juga termasuk kerja mengenal pasti dan melantik pensyarah yang sesuai untuk setiap jenis kokurikulum yang ditawarkan, mengagihkan pelajar kepada jenis-jenis kokurikulum mengikut kesesuaian, memberi taklimat kepada pelajar, mengurus kemudahan dan peralatan, dan memantau pelaksanaan program-program kokurikulum di kampus IPG.

KAEDAH PENILAIAN

Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul data kajian. Data merupakan persepsi peserta kajian tentang aspek-aspek pelaksanaan program kokurikulum di IPG. Oleh kerana program kokurikulum mengandungi lima komponen, data dikumpul untuk menilai setiap komponen dan juga untuk keseluruhannya. Peserta kajian dipilih daripada enam buah kampus IPGM yang mewakili zon utara, tengah, timur dan selatan Semenanjung dan juga

zon Sabah dan zon Sarawak. Jumlah peserta adalah terdiri daripada 563 orang pelajar, 98 orang pensyarah dan 37 orang pentadbir. Peserta pelajar dan pensyarah telah dibahagikan kepada lima kumpulan masing-masing di mana setiap kumpulan menjawab soal selidik yang berfokus kepada hanya satu komponen kokurikulum sahaja. Maka lima komponen kokurikulum telah dinilai oleh lima kumpulan pelajar dan pensyarah masing-masing. Peserta pentadbir menilai program secara keseluruhan sahaja dan tidak berfokus pada mana-mana komponen kokurikulum.

Walaupun kandungan soal-selidik daripada segi item-item untuk mendapat respons peserta tentang kesesuaian dan keberkesanan program adalah seragam dan sama bagi kesemua lima komponen, setiap komponen dinilai oleh sampel peserta yang berlainan. Maka lima set soal selidik digunakan untuk mendapat data persepsi peserta tentang setiap komponen kokurikulum tersebut.

Item-item dalam setiap soal selidik adalah sama bagi kelima-lima set soal selidik dan perbezaannya hanya jenis komponen kokurikulum yang di fokuskan. Item-item untuk menilai aspek input, proses dan outcome program adalah terkandung dalam Bahagian B, C dan D dalam soal selidik. Setiap item adalah dalam bentuk pernyataan dan menggunakan skala ala Likert empat poin, iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Jadual 1 menunjukkan kandungan soal selidik, bilangan item bagi setiap aspek, contoh item dan indeks ketekalan dalaman instrumen mengikut setiap aspek penilaian.

Jadual 1

Kandungan Soal Selidik, Contoh Item dan Indeks Alpha Cronbach

Bah.	Isi Kandungan	Bil. item	Contoh Item	Alpha Cronbach
Bah. B	<u>Kesesuaian dan Keberkesanan Input</u>			0.89
B1	Kesesuaian pensyarah	6	"Pensyarah mempunyai pengetahuan yang sesuai untuk mengajar bidang ini."	0.68
B2	Kesesuaian jenis kokurikulum dengan kokurikulum dengan minat, kebolehan dan pengalaman pelajar	3	"Bidang kokurikulum ini sesuai dengan minat saya."	0.81

B3	Keberkesanan kandungan program	7	“Kandungan kurikulum berkesan meningkatkan pengetahuan saya dalam bidang ini.”	0.88
B4	Kesesuaian dan keberkesanan jumlah masa yang diperuntukkan	2	“Jumlah hari/jam interaksi yang diperuntukkan adalah sesuai untuk mencapai objektif yang ditetapkan.”	0.87
B5	Kesesuaian perkhidmatan sokongan	4	“Perkhidmatan stor peralatan sesuai membantu pembelajaran saya.”	0.57
B6	Kesesuaian infrastruktur dan infostruktur	6	“Tempat aktiviti P&P sesuai membantu pembelajaran saya.”	0.69
Bah. C	<u>Kesesuaian dan Keberkesanan Proses Pelaksanaan Program</u>			0.92
C1	Kesesuaian proses pelaksanaan program	9	“Proses memberi taklimat sesuai untuk saya memahami kehendak program.”	0.80
C2	Keberkesanan proses pelaksanaan program	6	“Proses memberi taklimat berkesan untuk saya memahami kehendak program.”	0.65
C3	Kesesuaian pelaksanaan P&P	7	“Kaedah P&P yang digunakan oleh pensyarah sesuai untuk mengajar kokurikulum ini.”	0.82
C4	Keberkesanan pelaksanaan P&P	7	“Kaedah P&P yang digunakan oleh pensyarah berkesan untuk membantu pembelajaran saya.”	0.76
Bah. D	<u>Keberkesanan Outcome Program</u>	7	“Program kokurikulum ini berkesan untuk membolehkan saya/pelajar mengelola pertandingan kokurikulum di sekolah.”	0.90

Nilai Alpha Cronbach bagi Bahagian B (Kesesuaian dan Keberkesanan Input) secara keseluruhan (28 item) ialah 0.89 dan untuk Bahagian C (Kesesuaian dan Keberkesanan Proses) nilainya ialah 0.92. Nilai Alpha Cronbach bagi Bahagian D (Keberkesanan Outcome) ialah 0.92. Nilai-nilai Alpha Cronbach bagi seksyen-seksyen kecil setiap bahagian adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Seksyen B1, B5, B6, dan C2 menunjukkan indeks kebolehppercayaan antara 0.57 hingga 0.68 dan ini agak tidak cukup tinggi dari segi ketekalan dalaman. Ini tidak menjejaskan penganalisan data kerana skor bagi setiap seksyen digunakan secara deskriptif untuk membuat anggaran skor persepsi peserta tentang perkara yang dinilai dalam seksyen tersebut.

Min dan sisihan piawai bagi setiap aspek input, proses dan outcome program digunakan untuk membuat anggaran tentang tahap kesesuaian dan keberkesanan setiap aspek tersebut. Peratusan persetujuan juga digunakan untuk tujuan ini. Peratusan persetujuan merujuk kepada peratus peserta yang bersetuju dengan item, di mana respons setuju dan sangat setuju dikira sebagai bersetuju. Analisis inferensi hanya digunakan untuk mengesan perbezaan persepsi antara lima komponen tersebut, antara zon, antara jantina responden dan juga antara jenis responden (pelajar, pensyarah dan staf). Untuk tujuan ini jumlah skor bagi setiap bahagian (Bahagian B, C dan D) digunakan untuk analisis memandangkan indeks Alpha Cronbach yang tinggi, iaitu antara .89 hingga .92.

PENEMUAN

Kesesuaian dan Keberkesanan Input Program

Input program merangkumi aspek pensyarah kokurikulum, jenis kokurikulum yang diagihkan kepada pelajar, kandungan program, peruntukkan masa, perkhidmatan sokongan, infrastruktur dan infostruktur. Jadual 2 memaparkan min, sisihan piawai dan peratusan persetujuan bagi aspek-aspek input ini.

Jadual 2

Min, Sisihan Piawai dan Peratus Persetujuan bagi Input Program Kokurikulum mengikut Komponen Kokurikulum

Jenis Input	Pengurusan Kokurikulum (N=134)	Olahraga (N=136)	Sukan & Permainan (N=131)	Unit Beruniform (N= 144)	Kelab & Persatuan (N=116)	Keseluruhan (N=698)	Peratus Persetujuan
1 Kesesuaian pensyarah	3.39 (.44)	3.31 (.42)	3.36 (.43)	3.39 (.45)	3.42 (.43)	3.37 (.44)	92.3
2 Kesesuaian jenis kokurikulum dengan minat, kemampuan dan pengalaman pelajar	3.11 (.53)	3.09 (.55)	3.20 (.62)	3.19 (.52)	3.16 (.57)	3.15 (.56)	86.7
3 Keberkesanan kandungan program	3.43 (.48)	3.44 (.44)	3.48 (.45)	3.52 (.41)	3.53 (.38)	3.47 (.43)	95.7
4 Kesesuaian dan keberkesanan jumlah masa diperuntukkan	3.13 (.66)	3.07 (.57)	3.11 (.60)	3.17 (.61)	3.21 (.59)	3.13 (.62)	86.2
5 Kesesuaian perkhidmatan sokongan	2.95 (.51)	2.90 (.48)	2.99 (.43)	2.91 (.50)	3.02 (.50)	2.95 (.48)	78.5
6 Kesesuaian infrastruktur dan infostruktur	3.01 (.49)	2.90 (.49)	3.07 (.45)	2.96 (.48)	3.08 (.46)	2.99 (.48)	78.9
Min Keseluruhan (6 jenis input)	3.17 (.40)	3.12 (.34)	3.20 (.34)	3.19 (.34)	3.24 (.34)	3.18 (.35)	86.4

Nota. Sisihan piawai adalah dalam kurungan.

Jadual 2 menunjukkan bahawa keberkesanan kandungan program mendapat respons persetujuan yang paling tinggi, iaitu dengan min = 3.47 (peratus persetujuan = 95.7%). Ini diikuti oleh kesesuaian pensyarah dengan min = 3.37 (peratus persetujuan = 92.3%). Kedua-dua input ini merupakan input yang dipersepsikan paling sesuai dan berkesan. Input perkhidmatan sokongan dan infrastruktur dan infostruktur mempunyai min yang rendah, iaitu 2.95 (peratus persetujuan = 78.5%) bagi input perkhidmatan sokongan dan 2.99 (peratus persetujuan = 78.9%) bagi input infrastruktur dan infostruktur. Ini bermakna dua jenis input ini dipersepsikan tidak sebegitu sesuai berbanding dengan input lain dalam membantu pembelajaran pelajar. Input kandungan program dan pensyarah adalah input yang paling ada kesan terhadap pelajar dalam program kokurikulum. Min keseluruhan bagi input program ialah 3.18 (peratus persetujuan = 86.4%) dan ini menggambarkan persetujuan responden bahawa input program sesuai dan berkesan kepada pelajar.

Jika diteliti daripada segi komponen kokurikulum, responden berpendapat bahawa input program paling sesuai atau berkesan dalam komponen kelab dan persatuan, dengan min = 3.24 (s.p. = 0.34). Ini diikuti oleh komponen sukan dan permainan dengan min = 3.20 (s.p. = 0.34) dan komponen unit beruniform dengan min = 3.19 (s.p. = 0.34). Komponen olahraga mempunyai min yang paling rendah (min = 3.12, s.p. = 0.40). Ini mungkin disebabkan input perkhidmatan dan infrastruktur/infostruktur yang dipersepsikan rendah kesesuaiannya jika dibandingkan dengan input-input lain. Dari segi kesesuaian olahraga kepada minat, kemampuan dan pengalaman pelajar, min yang rendah (min = 3.09, s.p. = 0.55) juga menggambarkan ia jenis kokurikulum yang tidak begitu sesuai dengan mereka jika dibandingkan dengan jenis kokurikulum yang lain.

Kesesuaian dan Keberkesanan Proses Pelaksanaan Program dan Proses P&P

Dapatan untuk kesesuaian dan keberkesanan proses pelaksanaan program dirumuskan dalam Jadual 3. Jadual ini mempamerkan min, sisihan piawai dan peratus persetujuan keseluruhan bagi dua jenis proses, iaitu proses pelaksanaan program dan proses pelaksanaan P&P, mengikut komponen kokurikulum. Jadual ini menunjukkan min keseluruhan bagi proses pelaksanaan ialah 3.17 (peratus persetujuan = 88.6%). Maka, secara keseluruhannya responden bersetuju bahawa proses adalah sesuai dan berkesan. Jika diteliti dari segi aspek pelaksanaan program min untuk kesesuaian proses pelaksanaan (min = 3.15, peratus persetujuan = 86.5%) adalah lebih tinggi daripada min keberkesananannya (min = 3.09, peratus persetujuan = 85.5%). Ujian-t bersandar (*dependent t-test*) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua min ini (nilai $t = 5.825$,

$df = 697$, nilai $p < 0.05$). Ini bermaksud pandangan responden ialah bahawa proses pelaksanaan program adalah sesuai tetapi keberkesanan pelaksanaannya tidak mencapai tahap keberkesanan seperti kesesuaiannya. Walau bagaimana pun peratus persetujuan adalah lebih kurang sama bagi dua aspek ini. Maka ini boleh ditaksirkan bahawa kekuatan persetujuan adalah berbeza dan persetujuan tentang kesesuaian adalah lebih kuat daripada persetujuan tentang keberkesanannya.

Jadual 3

Min, Sisihan Piawai dan Peratus Persetujuan bagi Kesesuaian dan Keberkesanan Proses Pelaksanaan Program dan Proses Pelaksanaan P&P

Jenis Proses	Pengurusan Kokurikulum (N=134)	Olahraga (N=136)	Sukan & Permainan (N=131)	Unit Beruniform (N= 144)	Kelab & Persatuan (N=116)	Keseluruhan (N=698)	Peratus Persetujuan
1 Kesesuaian proses pelaksanaan program.	3.18 (.46)	3.05 (.40)	3.19 (.42)	3.18 (.41)	3.20 (.42)	3.15 (.42)	86.5
2 Keberkesanan proses pelaksanaan program	3.11 (.49)	3.02 (.43)	3.12 (.44)	3.11 (.42)	3.12 (.46)	3.09 (.45)	85.5
3 Kesesuaian proses pelaksanaan P&P	3.22 (.49)	3.17 (.42)	3.25 (.44)	3.25 (.46)	3.32 (.43)	3.23 (.44)	91.3
4 Keberkesanan proses pelaksanaan P&P	3.21 (.49)	3.18 (.46)	3.24 (.44)	3.26 (.43)	3.30 (.43)	3.23 (.45)	91.1
Min Keseluruhan (4 aspek)	3.18 (.45)	3.10 (.38)	3.20 (.38)	3.20 (.38)	3.24 (.38)	3.17 (.40)	88.6

Nota. Sisihan piawai adalah dalam kurungan.

Daripada segi aspek proses pelaksanaan P&P pula, min keseluruhan untuk semua lima komponen menunjukkan min yang sama bagi kesesuaian pelaksanaan (min = 3.23, s.p. = 0.44) dan keberkesanan pelaksanaannya (min = 3.23, s.p. = 0.45). Peratus persetujuan juga tinggi pada 91.3% dan 91.1% masing-masing. Ujian t bebas tidak mengesan perbezaan antara kedua-dua aspek pelaksanaan P&P ini. Maka, kesesuaian proses

pelaksanaan P&P adalah juga sama dengan keberkesanannya. Persepsi peserta tentang kesesuaian dan keberkesanan proses P&P didapati lebih tinggi berbanding dengan persepsi mereka tentang proses pelaksanaan program. Ini boleh dirumuskan bahawa peserta mempersepsikan aspek professional, iaitu P&P adalah lebih sesuai dan lebih berkesan berbanding dengan aspek pentadbiran dan pengurusan.

Daripada segi komponen-komponen kokurikulum, komponen kelab dan persatuan mencapai min yang paling tinggi (min = 3.24, s.p. = 0.38) dan diikuti oleh komponen sukan dan permainan dan komponen unit beruniform yang masing-masing mempunyai min = 3.20 (s.p. = 0.38). Maka daripada segi proses pelaksanaan program, responden berpendapat bahawa proses ini paling sesuai dan berkesan bagi komponen kelab dan persatuan dan juga komponen sukan dan unit beruniform.

Keberkesanan Outcome

Keberkesanan outcome program merujuk kepada keberkesanan program dalam membolehkan pelajar melaksanakan kokurikulum di sekolah. Tujuh item digunakan untuk mengukur aspek ini. Item-item ini merangkumi keberkesanan program membolehkan pelajar merancang dan mengurus kokurikulum di sekolah, melaksanakan P&P berkaitan kokurikulum, mengelola pertandingan, menjadi pegawai kokurikulum, mengurus kemudahan, menilai pelajar dalam aktiviti kokurikulum, dan menerap nilai-nilai murni di kalangan murid sekolah dalam aktiviti kokurikulum. Jadual 4 mempamerkan min, sisihan piawai dan peratus persetujuan keseluruhan bagi tujuh item ini mengikut komponen kokurikulum.

Jadual 4

Min, Sisihan Piawai dan Peratus Persetujuan bagi Item-item Keberkesanan Outcome Program mengikut Komponen Kokurikulum

No. Item	Item	Pengurusan Kokurikulum (N=134)	Olahraga (N=136)	Sukan & Permainan (N=131)	Unit Beruniform (N=144)	Kelab & Persatuan (N=116)	Keseluruhan (N=698)	Peratus persetujuan
1	Program kokurikulum berkesan untuk membolehkan saya: Merancang dan mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah.	3.43 (.63)	3.43 (.51)	3.36 (.66)	3.44 (.58)	3.46 (.52)	3.41 (.58)	95.4

2	Melaksanakan P&P berkaitan kokurikulum di sekolah.	3.42 (.62)	3.40 (.55)	3.44 (.57)	3.44 (.54)	3.49 (.50)	3.43 (.56)	96.9
3	Mengelola pertandingan kokurikulum di sekolah.	3.35 (.69)	3.32 (.59)	3.34 (.69)	3.19 (.64)	3.41 (.53)	3.32 (.64)	91.4
4	Menjadi pegawai pertandingan kokurikulum di sekolah.	3.09 (.72)	3.28 (.66)	3.17 (.70)	3.16 (.64)	3.28 (.59)	3.19 (.67)	87.0
5	Mengurus kemudahan dan peralatan kokurikulum di sekolah.	3.35 (.58)	3.34 (.62)	3.41 (.58)	3.31 (.65)	3.38 (.60)	3.35 (.61)	93.7
6	Menilai/mentaksir pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.	3.27 (.64)	3.26 (.61)	3.25 (.65)	3.33 (.53)	3.28 (.60)	3.27 (.61)	92.5
7	Menerap nilai-nilai murni di kalangan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.	3.57 (.54)	3.48 (.62)	3.53 (.56)	3.62 (.49)	3.56 (.50)	3.55 (.54)	98.5
Min Keseluruhan (7 item)		3.35 (.50)	3.36 (.48)	3.36 (.50)	3.36 (.45)	3.41 (.41)	3.36 (.47)	93.6

Nota. Sisihan piawai adalah dalam kurungan.

Jadual 4 menunjukkan min keseluruhan untuk keberkesanan outcome ialah 3.36 (s.p. = 0.47 dan peratus persetujuan = 93.6%) dan ini menunjukkan bahawa responden bersetuju tentang keberkesanan outcome daripada pelbagai aspek. Jika diteliti daripada segi aspek outcome, responden berpendapat bahawa outcome yang paling berkesan ialah menerapkan nilai-nilai murni di kalangan murid di sekolah (min = 3.55, s.p. = 0.54, peratus

persetujuan = 98.5%). Ini diikuti oleh outcome melaksanakan P&P (min = 3.43, s.p. = 0.56 dan peratus persetujuan = 96.9%) dan merancang kurikulum (min = 3.41, s.p. = 0.58 dan peratus persetujuan = 95.4%). Outcome yang mempunyai min yang agak rendah jika dibanding dengan outcome lain ialah menjadi pegawai pertandingan (min = 3.19, s.p. = 0.67 dan peratus persetujuan = 87.0%) dan menilai pelajar dalam aktiviti kurikulum (min = 3.27, s.p. = 0.61 dan peratus persetujuan = 92.5%). Maka daripada segi keberkesanan outcome, responden berpendapat bahawa program kurikulum berkesan membolehkan pelajar menerapkan nilai murni dan merancang kurikulum serta melaksanakan P&P kurikulum di sekolah. Responden juga bersetuju bahawa program kurikulum dapat membolehkan pelajar mengurus kemudahan dan mengelola pertandingan kurikulum di sekolah. Tetapi keberkesanan menjadi pegawai dan menilai murid dalam aktiviti kurikulum adalah kurang berkesan jika dibandingkan dengan outcome-outcome lain.

Komponen kurikulum yang mempunyai min tertinggi ialah komponen kelab dan persatuan (min = 3.41, s.p. = 0.41) dan ini diikuti oleh komponen-komponen lain yang mempunyai min yang nilainya agak sama. Maka selain daripada komponen kelab dan persatuan komponen-komponen lain dipersepsikan mempunyai keberkesanan yang agak serupa dalam membolehkan pelajar menjadi guru kurikulum di sekolah.

Perbandingan Persepsi antara Kategori Responden

Perbandingan persepsi antara kategori responden adalah untuk meninjau sama ada dan sejauh manakah persepsi peserta kajian dipengaruhi oleh pembolehubah-pembolehubah tertentu. Perbezaan persepsi antara jenis komponen kurikulum adalah mungkin berlaku kerana kualiti pelaksanaan program mungkin berbeza. Ini juga benar bagi perbezaan persepsi antara zon IPG. Ini mungkin disebabkan kualiti pelaksanaan yang berbeza antara zon IPG atau pun disebabkan persepsi yang berbeza antara peserta kajian yang mengalami pengalaman yang berbeza antara zon IPG. Pembolehubah jantina dan jenis responden (pelajar, pensyarah dan pentadbir) tidak sepatutnya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap persepsi mereka kerana mereka mempersepsikan perkara yang sama, iaitu pelaksanaan sesuatu program yang dialami secara bersama-sama.

Pembolehubah-pembolehubah bersandar yang diuji untuk perbezaan persepsi antara kategori responden ialah persepsi tentang kesesuaian dan/atau keberkesanan input, persepsi tentang proses, dan persepsi tentang outcome program. Pembolehubah bebas ialah jenis komponen kurikulum, zon IPG, jantina dan jenis responden (pelajar, pensyarah dan pentadbir). Prosedur MANOVA digunakan untuk menguji hipotesis tentang

perbezaan antara kategori responden bagi semua pembolehubah bersandar.

Keputusan MANOVA menunjukkan bahawa perbezaan persepsi dikesan untuk pembolehubah bebas zon IPG dan jenis responden. Keputusan ujian *multivariate* menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara zon (*Pillai's Trace* = .139, $F = 6.702$, $p < 0.001$; *Wilks' lambda* = .862, $F = 6.970$, $p < 0.001$; *Roy's Largest Root* = .147, $F = 20.173$, $p < 0.001$). Perbezaan yang signifikan ini dikesan untuk ketiga-tiga pembolehubah bersandar, iaitu kesesuaian dan keberkesanan input ($F(5, 688) = 18.895$, $p < 0.001$), kesesuaian dan keberkesanan proses ($F(5,688) = 16.01$, $p < 0.001$), dan keberkesanan outcome ($F(5,688) = 8.768$, $p < 0.001$). Perbezaan persepsi antara zon menampilkan peserta daripada zon Sabah dan Sarawak mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan peserta daripada zon-zon di Semenanjung Malaysia.

Ujian MANOVA juga mengesan perbezaan yang signifikan antara jenis responden pelajar dan pensyarah (*Wilk's lambda* = .995, $F = 5.355$, $p < 0.001$) bagi pembolehubah bersandar kesesuaian dan keberkesanan input ($F(2, 691) = 5.390$, $p < 0.01$) sahaja. Persepsi pelajar didapati lebih positif tentang kesesuaian dan keberkesanan input program.

Keputusan ini menunjukkan bahawa persepsi peserta adalah agak seragam dan stabil merentasi jenis kokurikulum dan jantina. Persepsi yang lebih positif oleh peserta di kampus-kampus IPG Sabah dan Sarawak mungkin disebabkan oleh perasaan yang lebih puas hati dikalangan peserta di zon tersebut dan tidak semestinya disebabkan oleh kualiti pelaksanaan program yang lebih baik. Persepsi pelajar adalah lebih positif tentang input program jika dibanding dengan persepsi pensyarah. Ini mungkin disebabkan pensyarah mempunyai pengalaman yang lebih lama dan lebih arif. Maka mereka mungkin merasa kurang puas hati dengan input yang disediakan dalam program kerana kekurangan bajet untuk pelaksanaan program pada masa ini di mana peruntukkan adalah kurang berbanding dengan tahun-tahun sebelum tahun kajian ini.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya peserta kajian mendapati bahawa program kokurikulum di IPGM adalah sesuai dan berkesan. Mereka berpendapat aspek outcome adalah paling berkesan berbanding dengan aspek input dan proses. Walau bagaimanapun aspek kemahiran kepegawaian dan kemahiran menilai murid dalam kokurikulum adalah dipersepsikan tidak sebegitu berkesan berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain.

Kesesuaian pensyarah dan keberkesanan kandungan program dipersepsikan pada tahap tinggi berbanding dengan input-input lain. Proses pelaksana P&P dipersepsikan lebih sesuai dan berkesan berbanding dengan proses pentadbiran dan pengurusan program.

Aspek professional seperti kualiti pensyarah, kandungan program dan P&P dipersepsikan lebih positif berbanding dengan aspek-aspek lain seperti perkhidmatan sokongan, infra dan infostruktur, pentadbiran dan pengurusan program. Ini membawa implikasi bahawa pelajar, pensyarah dan pentadbir adalah berpuas hati dengan aspek-aspek professional seperti kebolehan pensyarah dan kualiti kandungan program. Aspek pentadbiran dan pengurusan dipersepsikan kurang sesuai dan berkesan berbanding dengan aspek professional. Maka untuk menambah baik program kokurikulum di IPGM usaha hendaklah difokuskan kepada aspek ini.

Perkhidmatan sokongan seperti pengurusan kemudahan dan peralatan, dan pengagihan jenis kokurikulum mengikut minat dan kemampuan pelajar serta proses mengurus pelaksanaan program hendaklah dikaji semula supaya dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya. Aspek perkhidmatan sokongan (pejabat am, perkhidmatan stor peralatan, pengangkutan dan urus setia kokurikulum) mungkin kurang ada perkaitan secara langsung dengan pelajar tetapi perkara ini perlu dikaji semula daripada segi perkhidmatan yang lebih mesra dan berkesan untuk melicinkan pelaksanaan program. Kemudahan dan peralatan yang terhad dan tidak diurus dengan baik akan mempengaruhi semangat pelajar dan pensyarah dan menjejaskan pelaksanaan program. Penyelenggaraan kemudahan dan peralatan hendaklah dijadikan tugas dan tanggung jawab yang penting dan berterusan. Tugas ini boleh dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai yang tertentu.

Dari segi outcome program, peserta kurang yakin bahawa pelajar akan dapat melaksanakan tugas kepegawaian dan penilaian dalam kokurikulum mereka di sekolah. Cadangan untuk menambah baik perkara ini ialah mengkaji semula kandungan program, peruntukkan masa dan kebolehan pensyarah supaya dapat memastikan pelajar diberi peluang yang mencukupi untuk menguasai kedua-dua kemahiran ini. Pensyarah kokurikulum boleh diberi kursus yang sesuai tentang kepegawaian dan penilaian berkaitan dengan jenis kokurikulum yang mereka dipertanggungjawabkan supaya mereka dapat membimbing pelajar dalam kedua-dua kemahiran ini. Persatuan-persatuan sukan dan badan beruniform boleh dijemput untuk bekerjasama dengan IPGM untuk melatih pensyarah dan juga pelajar dalam kemahiran kepegawaian.

Kajian ini adalah terhad kepada batasan-batasan seperti yang dihadapi oleh kajian tinjauan seperti ini. Kajian untuk menentukan ekonomi dan kecekapan program dari segi kos dan hasilan tidak termasuk dalam kajian ini. Ia boleh dijalankan untuk mendapat maklumat pelaksanaan secara lebih komprehensif dan menyeluruh. Ini akan dapat memberi maklum balas yang lebih terperinci untuk membolehkan kita membuat keputusan yang lebih tepat tentang cara mengubah atau menambah baik program ini. Kajian tentang impak program juga boleh dijalankan untuk menentukan impak program di sekolah. Kajian kali ini hanya tertumpu kepada kesesuaian dan keberkesanan program dari perspektif pelajar, pensyarah dan pentadbir di IPGM. Penemuan dalam kajian ini hanya menjadi panduan untuk pihak IPGM memikir dan merancang perubahan dan penambahbaikan kepada program kokurikulum di IPGM.

RUJUKAN

- Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. (2005). Kod Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Putrajaya: Pengarang.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2004). Kurikulum Kursus Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, BPG.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2007). *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Kuala Lumpur: IPGM.
- Perbendaharaan Malaysia. (2002). *Manual: Public sector program evaluation under the Modified Budgeting System*. Kuala Lumpur: Pengarang.